NOTIS SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada penyebut harga-penyebut harga yang telah berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor** bertaraf Bumiputra, **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** dalam Gred yang di benarkan dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)** untuk melaksanakan kerja seperti berikut:

TAJUK PROJEK	TARAF	GRED, KELAS PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN
SH/PADAT/UKP/13/2018 **KERJA-KERJA PEMASANGAN PAPAN SUIS UTAMA, PERANGKAP KILAT DAN PEMASANGAN LAMPU LED DI MUZIUM INSITU JUGRA**	**BUMIPUTERA**	**CIDB** **GRED G1 atau G2** **KATEGORI ME** **PENGKHUSUSAN E04 DAN E11** **SERTA PERAKUAN UPEN**	**RM 20.00** **(Wang Pos Termasuk GST)**
TARIKH TUTUP: 04.5.2018		**MASA TUTUP : 12.00 tengahari**	

1. Kontraktor yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** hadir ke lawatan tapak projek pada **27.4.2018** jam **03.00 petang** dan berkumpul di **Muzium In Situ Jugra** serta membawa salinan sijil berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor** bertaraf Bumiputra, **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** dalam Gred yang di benarkan dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)**.

2. Dokumen sebut harga HANYA boleh diperolehi di Bahagian Khidmat Pengurusan Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor Tingkat 1, d/a Bangunan Muzium Sultan Alam, Persiaran Bandaraya, 40000 **(pada waktu pejabat sahaja) seperti berikut:**

TARIKH	HARI	MASA
27.4.2018 hingga 04.5.2018	**Isnin - Jumaat**	**8.30 pagi – 12.30 tgh** **2.30 petang – 4.45 petang**

3. Dokumen sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah serta yang hadir pada lawatan tapak sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa dokumen-dokumen **ASAL SIJIL PENDAFTARAN** yang masih sah tempoh yang dikeluarkan oleh **CIDB, Sijil Taraf Bumiputera oleh PKK dan Sijil Akuan Pendaftaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN).** Salinan-salinan perakuan dan/ atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya.

4. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan ditulis disebelah kiri sampul jenis kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam peti tender yang terletak di :

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR (PADAT)
D/A BANGUNAN MUZIUM SULTAN ALAM SHAH
PERSIARAN BANDARAYA
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.

Pada atau **sebelum 04/5/2018 jam 12.00 tengah hari**. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) tidak terikat menerima sebutharga yang terendah.

Ketua Pegawai
Eksekutif
Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor

TARIKH: 13 April 2018